

KURSUS KECERDASAN BUATAN PERKUKUH JALINAN STRATEGIK



Labuan, 26 Februari 2026 – Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP), Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah melaksanakan Kursus Kecerdasan Buatan (AI) pada 25 dan 26 Februari 2026 yang dikendalikan oleh Puan Nur Izzatie Nadia Binti Subri.

Kursus ini memberi pendedahan kepada peserta berkaitan konsep asas AI, teknik prompt engineering, penjana teks, imej, muzik dan video serta penggunaan AI dalam penyediaan dokumen rasmi. Turut diberi penekanan ialah aspek etika, keselamatan data dan konsep human-in-the-loop bagi memastikan penggunaan AI mematuhi tatacara dan kerahsiaan maklumat.

Program ini turut diselitkan dengan penataran Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) sebagai usaha menyelaraskan penggunaan teknologi selari dengan hala tuju pendidikan digital negara.

Pelaksanaan kursus ini bukan sahaja memperkasa kemahiran

digital peserta, malah mengukuhkan jalinan strategik antara dua jabatan sebagai rakan strategik dalam menyokong agenda transformasi digital secara beretika dan berimpak tinggi.

[#7TerasKPM](#)

[#MalaysiaMADANI](#)

[#PendidikanManusiawi](#)

[#TaatSetia](#)

[#tahuninitahunkita](#)













